

TARIKH	9 / 11 / 2016	SEKSYEN	Magazimimbar
MUKA SURAT	23	RUANGAN	

Kenderaan dwifungsi hadiah terbaik TH



peristiwa

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
 agama@utusan.com.my

PENGUBAHSUALAN hebat menjadikan kenderaan Dwfungsi Projek Mobiliti TH 2016 sebagai 'hadiah' terbaik buat 11 buah masjid yang menerima bantuan daripada Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) baru-baru ini.

Apa tidaknya, kenderaan serba guna itu bukan sahaja boleh digunakan sebagai sebuah van jenazah malah mampu juga dimanfaatkan untuk pelbagai program kemasyarakatan yang dikendalikan oleh pihak pengurusan masjid.

Direka khas untuk pelbagai kegunaan lain, kenderaan tersebut berupaya menjadi pengangkutan terbaik untuk kegunaan kariah sesebuah masjid.

Jika ingin digunakan sebagai van jenazah, kenderaan itu akan ditampalkan dengan pelekat magnetik mudah alih yang dilengkapkan dengan ayat suci dan stiker van jenazah, selain kenderaan itu juga dilengkapkan dengan siren.

Bagi memudahkan keranda dibawa masuk ke dalam kenderaan dwi fungsi itu, bahagian lantai kenderaan tersebut telah diubah suai dengan terdapatnya 'track' untuk melancarkan urusan keluar masuk keranda.

Setelah selesai digunakan untuk urusan membawa jenazah, stiker van jenazah dan pelekat magnetik yang tertera ayat suci boleh dibuka daripada badan kenderaan dengan mudah.

Maka tidaklah masyarakat berasa 'pelik' untuk menaiki van tersebut sekiranya masih

tertera perkataan van jenazah di kenderaan itu.

Apabila tidak lagi tertera perkataan van jenazah, maka kenderaan itu dilihat lebih sesuai untuk digunakan dalam pelbagai aktiviti lain yang dianjurkan oleh pihak pengurusan masjid.

Dengan memasang semula kerusi di dalam kenderaan itu, maka bertukarlah fungsi kenderaan tersebut sebagai pengangkutan untuk 'orang hidup'.

Rata-rata penerima hadiah terbaik daripada Tabung Haji itu menyatakan kesyukuran terhadap keprihatinan badan berkanun yang menguruskan jemaah haji itu kerana bermurah hati menyumbangkan kenderaan pelbagai guna tersebut.

REAKSI

Bagi wakil Masjid Jamek An-Nur Daerah Rembau, Datuk Bahaman Harun berkata, sumbangan kenderaan pelbagai guna yang diberikan oleh pihak Tabung Haji tersebut merupakan satu penghormatan buat ahli kariah di kawasan tersebut.

Beliau yang juga Setiausaha Masjid Jamek An-Nur Daerah Rembau berkata, pihak pengurusan masjid sebelum ini terpaksa meminjam van jenazah dari masjid berdekatan jika berlaku kematian dan urusan pengebumian.

"Alhamdulillah, kerana masjid kami telah mempunyai kenderaan sendiri. Bukan sahaja baharu dan menarik,

van ini mempunyai kelebihan tersendiri dan boleh digunakan untuk aktiviti lain. Tidak terhad untuk membawa jenazah sahaja," katanya yang ditemui dalam majlis penyerahan sumbangan kenderaan Dwfungsi Projek Mobiliti TH 2016, baru-baru ini.

Sementara itu, Pengerusi Masjid Jamek Bandar Karak, Jamaludin Tahir berkata, penantian pihak pengurusan masjid untuk memiliki kenderaan sendiri akhirnya termakbul dengan sumbangan yang diterima daripada pihak Tabung Haji tersebut.

Katanya, setelah 'penat' menghubungi banyak pihak untuk mendapatkan sumbangan, Tabung Haji muncul sebagai agensi yang bermurah hati meringankan beban pengurusan masjid mencari kenderaan bagi digunakan menguruskan majlis

pengebumian jenazah. "Kami ahli kariah di Bandar Karak ingin mengucapkan ribuan terima kasih buat Tabung Haji yang memilih masjid kami menerima bantuan yang begitu bermilai ini. Insya-Allah, kenderaan ini akan digunakan sebaiknya untuk manfaat masyarakat di daerah ini," katanya.

Bagi Ketua Kampung Pendamar, Klang, Mohd. Shah Harun, sumbangan yang diberikan kepada masjid di daerah itu merupakan satu rahmat besar bagi mengantikan kenderaan ihsan yang sudah lama bagi dijadikan van jenazah.

Dia yang juga imam di kawasan itu berkata, kenderaan itu pastinya akan memberi manfaat besar kepada kumpulan masyarakat Islam yang ramai di daerah itu, selain digunakan dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh pihak pengurusan masjid.

"Ini satu rahmat buat kami di

sini. Bukan sahaja orang ramai yang berada di kampung tradisi boleh menggunakan kenderaan

ini, penduduk di kawasan perumahan juga boleh mendapat manfaat daripada sumbangan ini," katanya penuh kesyukuran.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Masjid Al-Ikhsan Kampung Tupai, Sik, Kedah, Che Zakaria Ahmad berkata, pemberian kenderaan dwifungsi itu membuktikan keprihatinan kerajaan dalam membantu rakyat.

Menurutnya, orang ramai terutama yang kurang berkemampuan boleh menggunakan kemudahan itu dalam mengurangkan jenazah ahli keluarga, tanpa perlu menyewa dengan pihak luar.

"Sebelum ini kami menggunakan van terpakai sumbangan Agensi Anti-Dadah Kebangsaan untuk membawa jenazah ke tanah perkuburan. Alhamdulillah, kami kini memperoleh kenderaan yang sangat baik untuk digunakan dalam pelbagai aktiviti lain," katanya.

KOS sebuah kenderaan yang diubah suai kira-kira RM127,500.

PERUNTUKAN RM1.2 juta untuk sumbangan kenderaan dwifungsi

BERTUJUAN bantu pihak pengurusan masjid laksana tanggungjawab

ASPEK fardu kifayah

KEMASLAHATAN kariah setempat

KEMUDAHAN pengangkutan

Kebajikan

MEMBANGUNKAN sosioekonomi umat Islam



JAMALUDIN TAHIR



MOHD. SHAH HARUN



CHE ZAKARIA AHMAD



BAHAMAN HARUN



KENDERAAN yang disumbangkan boleh diguna dengan pelbagai fungsi.



PENGERUSI Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim (lima dari kiri) menyatakan sesuatu berhubung kenderaan sebagai fungsi yang disumbangkan.

MAJLIS TERIMA SUMBANGAN KENDERAAN DWI-FUNGSI:

- | | | |
|--|---|---|
| 1 Masjid Al-Quro, Bagan Datoh, Perak. | 5 Masjid Haji Saad, Tanah Liat, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. | 8 Masjid Kampung Pendamar, Klang, Selangor. |
| 2 Masjid Mukim Binjal Mutaab, Pasir Mas, Kelantan. | 6 Masjid Al-Ikhsan Kampung Tupai, Sik, Kedah. | 9 Masjid Al-Ehsan, Kapar, Selangor. |
| 3 Masjid Jamek Bandar Karak, Bentong, Pahang. | 7 Masjid Ad-Solihin, Padang Jawa, Shah Alam, Selangor. | 10 Masjid Al-Ubudiah, Telok Gong, Selangor. |
| 4 Masjid An-Nur, Rembau, Negeri Sembilan. | | 11 Masjid Asy-Syarif, Meru, Selangor. |



SEBANYAK 11 masjid terpilih menerima kenderaan Dwfungsi Projek Mobiliti TH 2016, baru-baru